Terjemahan

Penipu, Antinomian (ibāhah)[1] dan Pseudo-Sufi: Suatu Upaya Menyenaraikan Penjahat Spiritual (miscreants), Bahagian 1[2]

Hamid Algar
University of California, Berkeley

Sebagai sebuah fenomena sejarah, istilah tasawwuf boleh dianggap sebagai sebuah istilah generik; kerana sesuatu yang dikatakan mengenai sekumpulan Sufi selalunya boleh ditolak dengan merujuk kepada kumpulan (Sufi) yang lain. Benar definisi ringkas telah diberikan oleh beberapa tokoh Sufi namun kesemuanya hanyalah berdasarkan kepada pandangan dan pengalaman mereka sahaja[3]. Disebabkan terma yang licin ini yang selalunya digabungkan dengan pandangan yang selalu bersifat melangkaui shari'ah, maka ini memudahkan antinomian untuk muncul seperti Sufi dan menjadikan penolakan terhadap mereka dilakukan oleh mereka yang lebih berhak memakai panggilan tersebut. Sehinggakan tiba suatu ketika di mana perlu disebutkan perbezaan antara mereka yang melampaui shari'ah dengan mereka yang bertindak melawan shari'ah.

Motif utama penghasilan buku-buku tasawwuf pada awalnya adalah untuk menepis sebarang kesalahfahaman terhadap makna Sufi itu sendiri, termasuk pengamalannya dan juga untuk membezakan antara mereka yang layak dan benar daripada mereka yang penipu dan tersesat. Pada bahagian muqaddimah karya agungnya, al-Ta'arruf li Madhhab Ahl al-Tasawwuf, Abu Bakr al-Kalabadhi (m.380/990) meratapi bahawa pada zaman beliau, "makna tasawwuf sudah hilang dan yang tinggal hanyalah namanya."

Mereka yang jahil mengenai tasawwuf mengaku sebagai ahlinya; mereka mengakuinya dengan lidah namun pada masa yang sama menidakkannya dengan tindakan mereka dan mereka memasukan amalan yang tidak daripadanya[4]. Beliau walau bagaimanapun tidak melihat kepentingan untuk menyatakan dengan jelas, hanya bersikap untuk menggambarkan dengan secara ringkas dan sistematik mengenai apakah Sufi yang sebenar[5].

Sikap yang sama diambil oleh 'Abd al-Karim al-Qushayri (m.465/1072) dalam meratapi apa yang beliau gambarkan sebagai kekurangan dan kelalaian pada ahli Sufi pada zamannya, atau mereka yang mengaku sebagai Sufi pada zaman tersebut: mereka menolak kesemua perbezaan antara yang benar dan yang diharamkan; mengadakan solat dan puasa dalam keadaan terpaksa; dan dengan senang hati menurut nafsu mereka. Tidak puas dengan itu, mereka juga mendabik dada mengaku sebagai telah mencapai maqam yang tinggi dan sering bersama cahaya Ilahi.[6] Beliau melihat ubat bagi menangani masalah kronik ini adalah dengan menghuraikan secara ringkas mengenai prinsip-prinsip tasawwuf sebagaimana yang diberi oleh tokoh-tokoh Sufi yang benar dan kemudiannya beliau menceritakan kisah hidup mereka dengan panjang lebar.

Bertentangan dengan sikap al-Qushayri ini adalah bahagian akhir yang ditulis oleh Abu Nasr al-Sarraj (m.378/988) yang menyenaraikan sekurang-kurangnya 19 bentuk kepercayaan salah

atau sikap yang salah pada mereka yang mengaku sebagai Sufi.[7] Ia merupakan persoalan yang berkait dengan kecenderungan bukan kumpulan dan adalah mungkin bagi individu itu salah dalam lebih dari satu kesalahan tetapi adalah padanya juga untuk membetulkan kesalahan kecil iaitu yang berkait dengan perkara cabang (furu'), yang tidak mengakibatkan kesalahan yang berpanjangan. Senarainya mengandungi permasalahan dari keterlaluan dalam kezuhudan dan ketidakmahuan mencari pekerjaan kepada ketidaksabaran apabila mengharapkan hasil dari peribadatan mereka. Bersifat seimbang adalah apa yang dicadangkan oleh al-Sarraj; nada beliau nada seorang yang memberi nasihat dan bukannya menjatuhkan, ini bertentangan dengan senarai selepas beliau.[8]

Abu 'l-Hasan Hujviri (m. s. 464/1071)[9], penulis buku tasawwuf yang pertama dalam Bahasa Farsi, juga merupakan penulis yang pertama menyenaraikan 12 kumpulan (firaq) tetapi berbeza dengan senarai-senarai selepas beliau, beliau berpandangan hanya 10 kumpulan yang boleh diterima manakala 2 adalah tertolak. Kumpulan yang 10 itu dinamakan berasaskan kepada pemula mereka dan kesemua mereka mempunyai perbezaan di dalam penekanan dan amalan mereka tetapi kesemuanya diterima sebagai Ahl al-Sunna wa 'l-Jama'a.[10]

Kumpulan yang kesebelas dan kedua belas mencerminkan beberapa sifat buruk yang hampir sama: mereka adalah mulhid yang telah hinggap pada perkumpulan Sufi, menggunakan istilah mereka sebagai selimut untuk menutup kesesatan mereka dan menyembunyikan kekejian mereka di bawah ketinggian kaum Sufi—"Oleh itu biarlah para murid berhati-hati terhadap mereka!". Mereka jatuh di bawah tajuk umum Hululiyyah, yang percaya kepada kelahiran semula (hulul; secara literal bermaksud, turunnya ruh Ilahi ke dalam manusia) dan imtizaj. Mereka terdiri dari dua kumpulan: Salimi dan Hallaji. Yang pertama adalah mereka yang bersifat antropomorfis (mushabbih) yang mengaku sebagai pengikut ajaran Abu Halman al-Dimishqi tetapi tidak benar kata Hujviri kerana mereka bertindak bertentangan dengan apa yang diketahui mengenai dirinya. Kemungkinan besar mereka adalah kumpulan yang sama disebut oleh al-Sarraj.[11]

Kumpulan yang terakhir itu menyebut seorang yang bernama Faris, kononnya pewaris kepada al-Hallaj, suatu pengakuan menurut Hujviri, yang ditolak dengan keras oleh Abu Ja'far Saydalani, yang merupakan ketua kepada 4000 pewaris Hallaj yang sejati yang tersebar di seluruh Iraq.[12]

Kedua-dua kumpulan iaitu Salimi dan Hallaji percaya kepada ketidakciptaan ruh dan menyatakan bahawa ia berhijrah dari satu badan ke badan yang lain; pandangan yang salah ini adalah sama dengan pandangan orang Kristian, India, Tibet dan China begitu juga kumpulan Syiah (kemungkinan Ithna'ashari), Qaramitah dan Batiniyah (iaitu Ismai'ili).[13]

Adalah di dalam sebuah tulisan yang kecil, Abu Hamid al-Ghazali (m.505/1111), Hamaqat Ahl-I Ibahat ("Kebodohan antinomian") beliau memberikan suatu senarai yang sistematik dan jelas yang mengandungi pelbagai kesalahan antinomian dan mereka yang berlagak Sufi. Istilah yang kerap digunakan beliau adalah "bodoh" (ahmaqha) dan antinomian (ibahatian). Tulisannya ini seolah-olah menyumbang kepada penulisan heresiografi selain menyumbang kepada senarai pseudo-Sufi.[14] Tajuknya jelas menunjukkan kebencian Ghazali kepada mereka yang di bantah beliau. Kemarahannya jelas terpampang di setiap muka sehingga beliau

menjadi tidak keruan; banyak contoh yang diberikannya terlalu sukar untuk dipercayai dan hujah-hujahnya terlalu simplistik dan bersifat dogmatic.

Beliau menganggap mereka yang "bodoh" itu tidak boleh diselamatkan dan telah menulis tulisan kecil ini atas permintaan yang berulang dari mereka yang terganggu dengan kehadiran mereka itu di sana-sini – suatu alasan yang sama dengan penulis selepas pada zaman al-Ghazzali. Kerasnya cadangan Ghazzali sebagai cadangan menangani mereka menandakan betapa mereka itu tidak sedikit dan bagaimana menggugatnya mereka: menumpahkan darah salah satu dari mereka adalah lebih mulia daripada "membunuh 1000 pengikut agama Zoroastrian, Yahudi dan Kristian di tanah Turki dan India," dan adalah wajib ke atas "Sultan pada zaman itu."[15]

Tulisan kecil itu menceritakan lapan jenis kekeliruan dan kesalahan (shubhat) – atau "hujah yang menarik" sebagaimana diterjemahkan oleh Karamustafa akan istilah tersebut[16]-- yang telah memerangkap mereka. Dalam beberapa isu, lebih dari satu kecenderungan yang sesat itu jatuh di bawah satu shubhat yang sama. Kumpulan pseudo-Sufi yang dikecam Ghazālī mempunyai sifat yang sama iaitu kebencian terhadap ulamak dan mereka mendabik dada mengatakan sudah melampaui batas-batas shari'ah dan sampai ke peringkat ḥaqīqat, memakai jubah yang compang-camping, menyuarakan ṭāmāt (ucapan ekstasi) sebagai bukti maqam mereka; mereka minum arak tanpa segan-silu dan berbangga berkongsi isteri.[17]

Jika mereka mendengar seseorang menyebut dānishmand – iaitu perkataan yang sinonim dengan faqīh pada zaman tersebut – reaksi mereka adalah sama dengan reaksi golongan rāfiḍīs (suatu terma pejorative untuk golongan Syiah) apabila mereka mendengar nama Abū Bakr dan 'Umar.[18]

Mereka yang lain mengatakan solat itu tidak perlu kerana Tuhan itu tidak memerlukan solat kita, dan mereka menaruh sepenuh harapan pada keampunanNya dan rahmatNya, tanpa melihat kepada amal mereka.[19]

Ada juga di kalangan mereka yang melakukan amalan kezuhudan (riyāḍāt) untuk sementara waktu, dengan mengharapkan disucikan dari sifat ammarah dan nafsu shahwat; apabila ini tidak berlaku, mereka mengambil kesimpulan bahawa tegahan Shari'ah itu adalah mustahil untuk dilakukan manusia.[20] Begitu juga dengan mereka yang menikmati pengalaman kashaf sewaktu melakukan riyāḍāt dan berlagak telah mencapai matlamat suluk; dan juga mereka yang mengalami mimpi-mimpi spiritual (vāqi'āt) membangkitkan kedengkian Shaitan yang menghasut mereka dengan mengatakan bahawa kesemua misteri Shari'ah sudah terungkap bagi mereka oleh itu mereka tidak perlu menurutinya lagi.[21]

Kemudian datanglah mereka yang tidak percaya kepada hari pembalasan atau kepada kewujudan Tuhan itu sendiri; tidak jelas sama ada pada pandangan Ghazālī, mereka ini mengaku sebagai Sufi ataupun tidak, mungkin konteksnya lebih umum (iaitu kesemuanya). Apa-apa pun pada Ghazālī mereka hendaklah dihapuskan.[22] Bertentangan dengan mereka yang tersilap dalam mengisytiharkan bahawa menjadi sufi yang sejati adalah bebas daripada semua, termasuklah ilmu agama dan ketaatan kepada perintah agama dan pengharapan pada ganjaran di hari pembalasan, yang jelasnya kesemua ini termasuk di bawah kategori Sufi antinomian.[23]

Juga berharga untuk dilihat adalah fatwa panjang menghukum mereka yang sesat ini yang dikeluarkan oleh Ghazālī, pada suatu tarikh yang tidak diketahui. Berasaskan kepada hadis yang tidak berapa sahih yang menyatakan bahawa pada masa depan kaum Muslimin akan dilanda kekeliruan dan perpecahan yang lebih buruk dari yang menimpa kaum Yahudi dan Kristian.[24]

Beliau pertamanya menyebut perkataan yang menganggarkan jumlah firaq Muslim sebagai "70 lebih kurang" sebelum menjelaskan bahawa sebenarnya adalah 72. Dibahagi dengan tiga, ini menghasilkan 3 kumpulan dengan setiap kumpulan mengandungi 24 buah: yang terbaik, yang di tengah dan yang antinomian sebagai yang terburuk. Syukur, kerana mungkin beliau tidak menyediakan senarai bagi setiap kategori, sebaliknya hanya memfokuskan kepada yang "terburuk". Di kalangan mereka adalah mereka yang tidak mempunyai sebarang kelayakan namun mengaku sebagai Sufi; mereka ini boleh dibandingkan seperti seorang perempuan tua yang memakai perisai dan bersenjata dan mengharapkan ganjaran yang diberikan kepada pahlawan dan akan dipijak gajah apabila tipuannya diketahui. Mereka ini wajar dihukum bunuh.[25]

Abu Hafs Najm al-Dīn 'Umar al-Nasafī (m.537/1142) telah digelar secara khususnya sebagai seorang mutakallim Māturīdī, ulamak mazhab Ḥanafī, mufassir al-Qur'ān dan seorang muḥaddith (walaupun kadang-kadang beliau tidak boleh dipercayai juga dalam isnad periwayatan hadith yang beliau laporkan), beliau juga seorang yang mencipta puisi. Dilahirkan di Nasaf, sebuah kota yang juga dikenali sebagai Nakhshab, yang jaraknya adalah 4 hari perjalanan dari Bukhara dan 8 hari dari Balkh, beliau menghabiskan kehidupannya di Transoxiana terutamanya di Samarqand; ada juga beliau singgah dan tinggal sementara waktu di Baghdad sewaktu dalam perjalanan ke Makkah yang membolehkannya menziarahi mufassir yang lain walaupun Muktazilah iaitu Jārullāh Zamakhsharī (m.538/1140) walaupun beliau tidak diterima dengan begitu baik.[26] Beliau dikatakan telah dikebumikan di Samarqand, sama ada di tanah perkuburan Jākirdīza atau bersebelahan dengan masjid 'Abdullāh b. 'Umar; atau berkemungkinan di luar kota berhampiran dengan maqam Abū Manṣūr Māturīdī. Masjid-I Kabūd juga dikatakan berkait dengan perkuburannya.[27]

Beliau tidak dikatakan sebagai seorang yang mempunyai hubungan dengan Sufi mahupun mereka yang mengaku Sufi, dan beliau juga tidak pernah mempunyai minat pada Tasawwuf walaupun tafsīrnya, al-Taysīr fī 'Ilm al-Tafsīr adalah dikatakan mendapat banyak maklumat dari Laṭa'if al-Ishārāt tulisan 'Abd al-Karīm al-Qushayrī. Karya tulisannya yang berkait dengan sejarah Samarqand iaitu al-Qand fī Ma'rifat 'Ulamā'Samarqand adalah berkisar, walaupun tajuknya berbeza; dengan maqam-maqam ahli Sufi.[28]

Oleh itu tidaklah memeranjatkan apabila buku kecilnya yang bertajuk *Risāla fī Bayān Madhāhib al-Taṣawwuf* yang mengklasifikasikan dua belas kumpulan Sufi menimbulkan sedikit kekecohan.[29] 'Alī Akbar al-Ḍiyā'ī yang menerbitkan teks tersebut buat pertama kalinya pada tahun 1412H /1992 berspekulasi bahawa al-Nasafī termotivasi untuk menulis makalah kecil tersebut kerana melihatkan betapa membisunya semua apabila berhadapan dengan kesan kehancuran yang diakibatkan oleh "Sufi sesat" ke atas masyarakat Islam pada ketika itu sewaktu tentera Salibiyyah sedang menggugat; walaupun begitu, teks tersebut tidak mengiakan spekulasi tersebut.[30]

Kesemua kumpulan kecuali yang terakhir adalah dijatuhkan hukuman sebagai akibat lalai atau menolak shari'ah secara keseluruhan. Susunan kumpulan mereka tidak menampakkan tahap keburukan mereka dan perbezaan antara satu kumpulan dengan yang lain juga tidak menunjukkan perbezaan yang ketara, oleh itu berkemungkinan bagi pesalah itu disabitkan kepada beberapa kesesatan yang dikutuk penulis.[31]

Senarai Hujvīrī meletakkan nama pelopor kepada setiap kumpulan yang dikritik beliau; senarai Nasafī agak bertentangan dalam hal ini kerana beliau hanya meletakkan nama seorang pelopor sahaja kepada salah satu kumpulan yang 12 itu, iaitu 'Abdullāh al-Shimrākhī. Perlu diperhatikan bahawa beberapa kumpulan yang dikutuk al-Nasafī adalah hampir sama dengan kumpulan yang juga dikutuk Ghazālī dengan satu perbezaan, al-Nasafī melabel mereka dengan nama yang mencerminkan kecenderungan mereka itu. Ini boleh dijadikan sebagai bukti bahawa kumpulan-kumpulan tersebut adalah tersebar ke sana sini sehingga menarik perhatian kedua-dua penulis, atau al-Nasafī sendiri sedar mengenai kitab *Ḥamāqat-I Ahl-I Ibāḥat* oleh Ghazālī. Walaupun begitu, nadanya lebih halus dan terkawal jika dibandingkan dengan nada yang digunakan Ghazālī, dan hanya dalam satu kes – iaitu mengenai kumpulan Shimrākhiyya – yang beliau merasakan pembunuhan beramai-ramai boleh dilakukan.

Kumpulan pertama adalah ḥabībiyya, yang mengaku telah mengambil Tuhan sebagai kekasih mereka sekali gus memutuskan talian kasih dengan makhluk. Disebabkan itu, mereka tidak tertakluk kepada kewajipan shar'ī (taklīf); apa yang diharamkan kepada orang lain adalah dibenarkan kepada mereka. Mereka meninggalkan solat dan puasa dan tidak menutup aurat. Inilah kufur sebenar-benarnya. Mereka hanya boleh dikenali melalui amalan mereka dan bukannya dari kata-kata mereka. "Oleh itu kejilah mereka!"

Kumpulan yang kedua pula adalah awliyā'iyya, iaitu mereka yang menegaskan bahawa setelah seseorang hamba itu mencapai tahap wilāya, semua arahan dan pengharaman tidak lagi terkena pada mereka, ini juga jelas kufur dan sesat. "Kami memohon perlindungan Allah dari mereka!"[32]

Kumpulan yang ketiga adalah Shimrākhiyya, yang merupakan pengikut 'Abdullāh al-Shimrākhī, satu-satunya kumpulan pesalah yang diberikan nama pelopornya. Oleh kerana persahabatan mereka dengan Tuhan sudah berlaku sejak azali, maka mereka tidaklah perlu menurut perintah dan laranganNya. Mereka boleh bergembira dengan bermain tamborin, gendang dan serunai dan boleh menganggap wanita sebagai bunga mekar yang boleh dengan mudah dihirup wangiannya; mereka mengelilingi dunia dengan berpakaian seperti orang yang saleh (ahl al-ṣalāḥ), tetapi mengerjakan fasad di mana sahaja mereka berada. Mereka adalah kumpulan yang darahnya halal untuk ditumpahkan.[33]

Agak meragukan juga bahawa apa yang menginspirasikan kumpulan-kumpulan pesalah ini adalah madhhab tasawwuf yang salah. Menurut Muḥammad b. Aḥmad al-Malaṭī (m.377/987), kumpulan Shimrākhiyya adalah salah satu dari 25 pecahan kumpulan dari kumpulan Ḥarūrī yang merupakan anak kumpulan Khāwarij, iaitu pengikut Imam 'Alī yang meninggalkan beliau di peperangan Ṣiffīn.[34] Beberapa orang Khāwarij masih aktif di bahagian timur Khorasan pada ketika itu, tetapi menolak penekanan doktrin agama, mereka tiada

bezanya dengan perkumpulan penyamun.[35] Inilah tanpa ragu lagi, yang menyebabkan al-Nasafī tersilap melabel mereka sebagai libertines atau Pseudo-Sufi. Kekerasan yang ditunjukkan kepada mereka dalam kutukan beliau terhadap mereka menandakan bahawa mereka itu agak agresif pada zamannya.

Seterusnya yang dikutuk adalah kumpulan ibāhiyya, mereka yang mengaku sebagai tidak mampu mengelakkan diri dari melakukan perkara yang dilarang, mereka ini mungkin mengambil harta dan wanita orang Muslim. Mengajak kepada ma'ruf dan menegah kemungkaran adalah asing bagi mereka, kerana mereka adalah īdhā' dan setiap yang begitu adalah hijab pada jalan spiritual. "Mereka adalah makhluk Tuhan yang terburuk di dunia." Kumpulan ḥāliyya pulah menganggap music (samā') dan menari sebagai dibenarkan dan dalam keadaan mabuk mereka (madhūshūn) mereka seolah-olah bergerak di luar jasad. Ini bertentangan dengan Sunnah dan dianggap sebagai bid'ah yang tidak dibenarkan dan kesesatan.

Tanda kesalahan utama ḥulūliyya adalah menganggap dibenarkan untuk melihat kepada wajah tanpa janggut pemuda dan wanita, menari setiap waktu dan mengatakan bahawa salah satu sifat Ilahi telah menjelma pada mereka, oleh itu mereka mencium dan memeluk mereka itu. Bukan hanya sesat tetapi juga jauh tersasar adalah kumpulan ḥūriyya. Mereka mengatakan bahawa mereka diziarahi bidadari pada waktu malam yang melakukan hubungan seks dengan mereka sehinggakan mereka melakukan mandi wajib pada keesokan harinya.

Kumpulan wāqifiyya menegaskan bahawa mustahil bagi seseorang lelaki itu untuk mengenali Tuhan, mengatakan dalam bahasa Farsi: "Kamu mengenali dirimu, Kamu/ Tiada yang mengenali Kamu, Siapa yang tahu? /Kamu dan Hanya Kamu yang mengenali Kamu." Ini adalah kesesatan yang nyata. Golongan mutakāsila, yang malas tidak berusaha untuk mencari rezeki sebaliknya mereka meminta sedekah dari pintu ke pintu dan bergantung kepada zakat, mereka ini mengagungkan badan mereka. Golongan mutajāhila, adalah mereka yang berlagak seolah-olah jahil, dan berdosa, alasan mereka adalah untuk mengelakkan sifat bermuka-muka yang mungkin ada dalam pelaksanaan amalan agama secara terbuka.[36] Ini mungkin merujuk kepada pengamalan anak kumpulan Malāmatīyyah yang dengan merujuk kepada al-Qur'an 5:54 ("mereka berjuang dengan bersungguh-sungguh pada jalan Allah, dan mereka tidak takut kepada celaan orang yang mencela"), merasakan perlu untuk mendapat celaan manusia lain untuk mendapatkan pujian Allah.[37]

Kumpulan atau golongan yang terakhir di kalangan yang sesat adalah ilhāmiyya; jika al-Nasafī benar dalam deskripsi beliau, mereka ini tidaklah patut berada dalam senarai ini kerana mereka adalah "sekumpulan dari Qaramitah" yang menolak pembacaan al-Qur'ān dan pencarian ilmu agama. Mereka berpuas hati dengan hanya membaca buku-buku ahli falsafah (al-ḥukamā') dan ahli bid'ah (al-mubtadi'īn). Mereka menganggap al-Qur'ān sebagai hijab bagi perjalanan spiritual; puisi ahli falsafah (bagi mereka) adalah al-Qur'ān bagi perjalanan spiritual.[38] Sepertimana dengan kumpulan Shimrākhiyya, penyenaraian kumpulan keji pseudo-Sufi al-Nasafī ini sekali lagi bercampur dengan kehendak heresiografi.[39]

Jauh berbeza daripada sebelas kumpulan sesat tadi adalah kumpulan ahl al-ḥaqq: mereka menurut Sunnah, mengerjakan solat pada waktunya, tidak minum minuman keras, tidak melakukan zina, tidak menari dan menolak muzik dan menolak makanan yang haram. Mereka

mencari rezeki dengan cara yang dibenarkan, menguruskan kehidupan mereka dengan menuruti Ahl al-Bayt Nabi SAW dan orang-orang yang baik (al-akhyār), dan menurut jalan sahabat dan tabi'īn. Secara ringkasnya merekalah yang mencapai kebenaran dan keyakinan dan cinta mereka adalah untuk Allah dan Rasulnya. "Merekalah hati-hati yang telah diuji oleh Allah dengan kezuhudan; bagi mereka pengampunan dan ganjaran yang besar" (al-Ḥujurāt, 3).[40]

Makalah kecil al-Nasafī oleh itu merupakan sebuah survei yang ringkas mengenai 11 kumpulan sesat, di mana yang ke-12 berbeza langsung dengan yang lain; ia bertujuan baik untuk menjaga nama baik kaum Sufi walaupun beliau sendiri bukanlah dari mereka. Walaupun ia agak ringkas dan marginal ia digunakan kemudiannya untuk dua konteks yang berbeza, satu Syi'ah dan satu lagi Sunni untuk dua tujuan yang bertentangan – penolakan secara total terhadap tasawwuf dan mempertahankan tasawwuf dari penipu-penipu.[41]

[Bersambung]

---

[1] Erti perkataan ini merujuk kepada mereka yang menolak syari'āh. [Penterjemah]

[2] Diterjemahkan dari makalah asal bertajuk, "Impostors, Antinomians and Psuedo-Sufis: Cataloguing the Miscreants" (*Journal of Islamic Studies*, Oxford, 2017) oleh Mohamad Nasrin Nasir, Pusat Penyelidikan Manuskrip Melayu, ATMA, UKM. Penterjemah berterima-kasih kepada Professor Hamid Algar kerana membenarkan terjemahan ini untuk diterbitkan di Jurnal Iman.

[3] Lihat Qutb al-Din 'Abbadi Marvazi (m.547/1152), *Manaqib al-Sufiyya* (ed.Iraj Afshar; Tehran:Intisharat-I Maula, 1362 Sh./1983), 33.

[4] Abu Bakr al-Kalabadhi, *Al-Ta'arruf li Madhhab Ahl al-Tasawwuf* (eds. 'Abd al-Halim Mahmud dan Taha 'Abd al-Baqi Surur; Kaherah:'Isa Babi al-Halabi, 1380/1960), 20.

[5] Lihat pengenalan yang diberikan A.J.Arberry kepada terjemahannya terhadap al-Ta'arruf: *The Doctrine of the Sufis* (Cambridge:Cambridge University Press, 1978), ix-xxix.

[6] 'Abd al-Karim al-Qushayri, *al-Risala al-Qushayriyya* (eds. 'Abd al-Halim Mahmud dan Mahmud b. al-Sharif; Kaherah: Dar al-Kutub al-Haditha, 1385/1966), 20-22.

[7] Abu Nasr al-Sarraj, *Kitab al-Lum'a fi 'l-Tasawwuf* (ed.R.A.Nicholson; Luzac:London, 1963), Gibb Memorial Series XXII, 410-34.

[8] Walaubagaimanapun di dalam penyenaraiannya yang berjumlah 19 kesalahan itu, al-Sarraj berkemungkinan merujuk kepada 19 jenis penghuni neraka seperti yang tertera di dalam al-Qur'an 74:30.

[9] Mati sekitar 464/1071 kerana tidak diketahui dengan jelas tarikh matinya beliau. [Penterjemah]

[10] Abu 'l-Hasan Hujviri, *Kashf al-Mahjub* (ed. V.A. Zhukovskii; Leningrad: Gosudarstvennaya Akademicheskaya Tipografiya, 1926), 164, 218-332. Kumpulan sepuluh itu adalah Muhasibi, Qassari, Tayfuri, Junaydi, Nuri, Sahli, Hakimi, Kharrazi, Khafifi dan Sayyari yang merupakan pengikut Harith al-Muhasibi (m.248/857); Hamdun al-Qassar (m.271/884) yang boleh dibahaskan, adalah bukan merupakan seorang Sufi tetapi merupakan ketua bagi sebuah kumpulan Malamati, suatu kecenderungan yang berbeza dengan tasawwuf- lihat Abdulbaki Golpinarli, Melamik ve Melamiler (Istanbul:Devlet Matbaasi, 1931), 3-4 dan 'Abd al-Rahman al-Jami, *Nafahat al-Uns* (ed.Mahmud 'Abidi; Tehran:Intisharat-I Ittila'at, 1370Sh./1991), 6-7; Bayazid Bistami (m.234/848), Tayfur merupakan salah satu nama panggilannya; Junayd al-Baghdadi (d.297/909); Abu 'l-Husayn al-Nuri (d.245/859); Sahl Tustari (m.283/896); Hakim Tirmidhi (m.320/932); Abu Sa'id al-Kharraz (m.277/890); Abu Abdullah ibn Khafif (m.371/982) dan Abu'l- 'Abbas al-Sayyari (m.342/953).

[11] Ignaz Goldziher, "Die dogmatische Partei der Salimiyya," *Zeitschrift der deutschen morgenlandischen Gesellschaft*, 61 (1907):73-80.

[12] Hujviri, Kashf al-Mahjub, 333-4.

[13] Ibid. 337.

[14] Teks ini terkandung di Nasrullah Purjavadi, *Du Mujaddid: Pizhuhishha'I dar-bara-yi Muhammad Ghazzali va Fakhr-I Razi* (Tehran: Markaz-I Nashr- Danishgahi, 1381 Sh./2002),153-209. Lihat juga Otto Pretzl, "Die Streitschrift des Gazali gegen die Ibahija,"in *Sitzungsberichte der Bayerischen Akademi der Wissenschaften: Philosophisch-historische Abteilung*, 7:1933:2-28; dicetak semula beserta terjemah Farsi kepada pengenalan Pretzl oleh Changiz Pahlavan, *Zamina-yi Iran-Shinasi* (Tehran, 1364 Sh./1985), 63-118.
[15] Hamāqat-I Ahl-I Ibāḥat, dalam Pūrjavādī, *Du Mujaddid*, 205-6.
[16] Ahmet Karamustafa, Sufism: the Formative Period (Edinburgh: Edinburgh University Press, 2007), 160.
[17] Ḥamāqat Ahl-I Ibāḥat, dalam Pūrjavādī, *Du Mujaddid, 153-5.* Tuduhan ini secara khusus adalah bersamaan dengan perkongsian isteri yang dikatakan dilakukan oleh golongan Mazdakiyyah dan pengikut mereka di zaman awal Islam di Iran; lihat Patricia Crone, *The Nativist Prophets of Early Islamic Iran: Rural Revolt and Local Zoroastrianism* (Cambridge: Cambridge University Press, 2012), 431-8.
[18] Ibid, 156.
[19] Ibid, 169-72.
[20] Ibid, 174-5.
[21] Ibid, 177-92.
[22] Ibid, 200-6.
[23] Ibid, 206-8.
[24] Suatu kajian yang komprehensif dan kritikal terhadap hadis yang boleh dipersoalkan ini, kata-katanya yang berbeza dan juga kegunaannya (dalam penulisan heresiografi) adalah amat diperlukan. Buat sementara waktu, makalah tulisan Ignaz Goldziher ini masih bernilai untuk dirujuk: "Le denombrement des sects mohametanes," *Revue de l'Histoire des Religions*, 26 (1892): 129-37.
[25] Teks di dalam Pūrjavādī, *Du Mujaddid,* 139-45. Ghazālī juga menyeru agar mereka yang sesat juga dibunuh dan harta mereka disita di dalam *Kīmīyā-yi Sa'ādat* (ed. Ḥusayn Khadīv-Jam; Tehran: Markaz-I Intishārāt-I 'Ilmī va Farhangī, 1983), I:329-30, II:309.
[26] Untuk kehidupan dan karya al-Nasafī, lihat 'Abd al-Karīm al-Sam'ānī, *al-Taḥbīr fī al-Mu'jam al-Kabīr* (ed. Khalīl al-Manṣūr; Beirut, Dār al-Kutub al-'Ilmiya, 1997) I:235; 'Abd al-Qādir al-Qurashī, *al-Jawāhir al-Muḍiya fī Ṭabaqāt al-Ḥanafiyya* (Haydarabad: Dā'irat al-Ma'ārif al-'Uthmānīya, 1332/1913), I:394:5; Taşkoprizade, *Miftāḥ al-Sa'āda wa Miṣbāḥ al-Siyāda* (eds. 'Abd al-Wahhāb Abū'l-Nūr and Kāmil Bakrī; Kaherah: n.p.,1968), I:123-4; 'Abdallāh al-Yāfi'ī, *Mir'āt al-Jinān* (Beirut:al-A'lamī, 1390/1970), III:268; Carl Brockelmann, *Geschichte der arabischen Litteratur* (Leiden: E.J. Brill, 1943) I:548-50; idem, *Supplement*, I:758-62; Kātib Celebi, *Kashf al-Ẓunūn* (eds.Serefettin Yaltkaya and Kilisli Rifat Bilge; Istanbul: MIlli Egitim Basimevi, 1971), I:cols.519,564, II:cols.1230,1871; and Ayse Humeyra Aslanturk, "Nesefī, Necmeddin," *Turkiye Diyanet Vakfi Islam Ansiklopedisi*, XXXII:571-3.
[27] Abū Ṭāhir Samarqandī, *Samariyya* (ed. Īraj Afshār; Tehran: Intishārāt-I Farhang-I Īrān-Zamīn, 1343 Sh./1965), 40, 80.
[28] Lihat Pengenalan yang ditulis Īraj Afshār pada kitab, *Qandiyya dar Bayān- Mazārāt-I Samarqand* (Kitābkhāna-yi Ṭahūrī, 1334 Sh./1965), 4-5, dan V.V. Barto'ld, "Tukestan v epokhu mongol'skogo nashestviya," dalam tulisan beliau *Sochinenya* (Moscow: Izdatel'stvo Vostochnoi Literatury, 1963), I:61. C.A.Storey menggambarkan karya itu sebagai sebuah karya yang memberikan deskripsi mengenai "tempat-tempat suci dan maqam para wali di perkarangan kota Samarqand", lihat tulisannya di *Persidskaya Literatura: Bio-Bibiliograficheskii Obzor*, diterjemahkan dengan tambahan makalah oleh Yu.E.Bregel' (Moscow: Glavnaya Redaktsiya Vostochnoi Literatury, 1972), II:1112-3.
[29] Al-Nasafī, *Risāla fī Bayān Madhāhib al-Taṣawwuf*, ed. 'Alī Akbar al-Ḍiyā'ī dalam al-Turāth al-'Arabī (Damasqus), XII:44 (1412/1992), 133-41. al-Ḍiyā'ī mendasarkan edisi beliau pada 3 manuskrip, satu di Aleppo dan dua di Damasqus. Di bahagian pendahuluan kepada terjemahan al-Nasafī dalam bahasa Turki Moden ("Kitabun fi Mezahibi'l-Mustasavvifa," Diyanet Dergisi, XVIII:3[May-June 1979], 167-73), Suleyman Uludaq menjumpai tiga lagi manuskrip, dua di Istanbul dan satu di Corum, salah satunya merupakan terjemahan ke bahasa Farsi yang lebih panjang dari teks asli.
[30] Al-Nasafī, *Risāla fī Bayān Madhāhib al-Taṣawwuf, 135.*
[31] Struktur dalam senarai al-Nasafī yang satu ini mengingatkan kita pada hadis 72 firaq yang mencurigakan itu, walaupun bilangannya tidaklah sampai ke 72. Sila lihat nota 21 di atas.
[32] Ibid, 127.
[33] Ibid, 127-28. Perbandingan wanita kepada bunga yang mekar berbau wangi bukanlah suatu yang baharu kerana ia telah juga digunakan oleh kumpulan Khurramitah. Lihat Crone, *The Nativist Prophets of Early Islami Iran*, 432.

[34] Muhammad b. Ahmad al-Malati al-Shafi'i, *al-Tanbıh wa al-Radd fi al Ahl al-Ahwa'* (ed. Muhammad Zahid al-Kawtharı; Baghdad: Maktabat al-Muthanna, 1388/1968), 178. Lihat juga Muhammad Ali al-Tahanawi, *Kashshaf al-istilahat al-Funun* (offset of Calcutta edition, Istanbul:Kahraman Yayinlari, 1984), I, 735.
[35] Bertold Spuler, *Iran in fruhislamischer Zeit* (Franz Steiner: Wiesbaden, 1952),169.
[36] Al-Nasafī, *Risāla fī Bayān Madhāhib al-Taṣawwuf*, 128-9.
[37] Abdulbaki Golpinarli, *Melamilik ve Melamiler*, 10-16; F.de Jong, "Malāmatiyya," EI2, VI:223-4.
[38] Al-Nasafī, *Risāla fī Bayān Madhāhib al-Taṣawwuf,* 128.
[39] Mengapa al-Nasafī memasukkan kelompok Qaramitah ke dalam senarai ahli sufi yang sesat tidaklah dapat dipastikan dengan jelas; paling dekat mereka dengan Transoxiana adalah di Gurgān. Mereka mempunyai kecenderungan yang kuat terhadap falsafah atau menurut Farhad Daftary, mereka "mempunyai sikap liberal dan mempunyai sikap pencerahan (enlightened) terhadap agama" (*The Ismā'īlīs: Their History and Doctrines* [Cambridge: Cambridge University Press, 2007], 235-6).
[40] Al-Nasafī, *Risāla fī Bayān Madhāhib al-Taṣawwuf,* 128.
[41] Tamat Bahagian Pertama yang merupakan terjemahan dari ms.1-18.

Mohamad Nasrin Mohamad Nasir
Felo Penyelidik
Institut Alam dan Tamadun Melayu(ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: mnasrin@ukm.edu.my